



Bank Pilihan Anda

# Kad Kredit-i Credit Card-i



MASTERCARD INTERNATIONAL  
BEST SYARIA PROGRAM 2014

## Mengubah Gaya Hidup Anda Transforming Your Lifestyle



Perbankan Internet • Internet Banking



**PUSAT KAD**  
CARD CENTRE  
03-2693 6880




**BANKRAKYAT**  
بيشك و دعيت

Terima Kasih kerana memilih  
Kad Kredit-i Bank Rakyat

*Thank You for choosing  
Bank Rakyat Credit Card-i*

---





# Perjanjian Kad Kredit-i Bank Rakyat Terma dan Syarat

Pengeluaran Kad Kredit-i Bank Rakyat MasterCard Emas/ Klasik/ Platinum/ Co-Brand ('Kad' atau 'Kad Kredit-i Bank Rakyat') oleh Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (selepas ini dirujuk sebagai 'Bank Rakyat') kepada anda ('Ahli Kad') dan penggunaan Kad oleh Ahli Kad adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat berikut yang diberikan pada masa permohonan dan / atau pada masa penghantaran Kad. Ahli Kad dianggap telah menerima Terma dan Syarat ini dan terikat dengannya apabila Ahli Kad mula menggunakan Kad. Dalam hal ini, pengaktifan Kad oleh Ahli Kad, tandatangan atau pengesahan terhadap sebarang rekod transaksi, draf jualan, baucer-baucer kredit, slip pengeluaran tunai, sebarang rekod caj dan / atau pulangan pengakuan slip resit Ahli Kad akan menjadi bukti yang mengikat dan muktamad terhadap penerimaan Ahli Kad terhadap Terma dan Syarat ini. Oleh itu, Ahli Kad harus membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat ini sebelum berbuat demikian. Seterusnya, Terma dan Syarat ini boleh digantikan dengan variasi-variasi, semakan-semakan atau perubahan-perubahan dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa, tertakluk kepada notis terlebih dahulu dan kami bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Ahli Kad bahawa penyimpanan atau penggunaan Kad selepas tarikh berkuatkuasanya sebarang variasi, semakan atau perubahan akan membawa maksud penerimaan Ahli Kad terhadap variasi-variasi, semakan-semakan atau perubahan-perubahan tersebut oleh Ahli Kad tanpa sebarang reservasi.

## **Umur Minimum**

### Pemohon Kad Utama

Untuk pemohon kad utama, umur minima ialah 21 tahun.

### Pemohon Kad Tambahan

Untuk pemohon kad tambahan, umur minima ialah 18 tahun.

**Pendapatan Minima** (iaitu pendapatan tetap dicampur pendapatan berubah setahun)

Pendapatan minima pemohon-pemohon Kad individu adalah sebanyak RM24,000 setahun, atau keperluan pendapatan yang lebih tinggi berdasarkan jenis Kad, sepertimana yang mungkin ditentukan oleh Bank Rakyat mengikut budi bicara mutlaknyanya.



**\* Umur Maksima Perlindungan Takaful Sehingga 65 Tahun /  
Maximum Age For Takaful Coverage Is 65 Years**

# Pembiayaan Kad Kredit-i Bank Rakyat di bawah konsep Tawarruq yang diluluskan

---

1. Ahli Kad telah memohon untuk Pembiayaan Kad Kredit-i Bank Rakyat ("Pembiayaan") dalam jumlah yang telah ditetapkan dan tertakluk kepada kelulusan Pembiayaan oleh Bank Rakyat di bawah konsep Tawarruq yang diluluskan.
2. Selaras dengan prosedur-prosedur Pembiayaan Kad Kredit-i Bank Rakyat, turutan berikut akan mengambil tempat:

## I. TAWARAN UNTUK MEMBELI (IJAB)

Ahli Kad dengan ini bersetuju menawarkan pembelian komoditi daripada Bank Rakyat secara Murabahah dengan harga tangguh setelah Bank Rakyat membeli komoditi daripada pembekal.

## II. OPSYEN DAN PELANTIKAN WAKIL JUALAN

### Pilihan Pertama

Ahli Kad dengan ini bersetuju memilih untuk membiarkan komoditi tersebut di bawah pegangan Bank dan secara tidak terbatal dan tanpa sebarang syarat melantik Bank Rakyat sebagai wakil / ejen untuk menjualkan Komoditi kepada mana-mana pembeli pihak ketiga bagi tujuan pelaksanaan pembukaan akaun dan pembaharuan Kad Kredit-i.

atau

### Pilihan Kedua

Ahli Kad dengan ini bersetuju untuk mengambil serahan Komoditi tersebut.

**PERAKUAN:** Sekiranya Bank Rakyat tidak menerima pengesahan penerimaan Had Pembiayaan daripada Ahli Kad dalam tempoh 24 jam dari tarikh/ masa notis diterima oleh Ahli Kad, maka pihak Bank berhak menganggap bahawa Ahli Kad **BERSETUJU** dengan **PILIHAN PERTAMA**.

## III. PERSETUJUAN PINJAMAN HASIL JUALAN (QARD)

Ahli Kad dengan ini bersetuju untuk meletakkan hasil jualan komoditi sebagai pinjaman kepada Bank Rakyat tanpa sebarang faedah berdasarkan konsep Qard di mana amaun tersebut boleh digunakan semasa penggunaan Kad Kredit-i.

## IV. PEMBAHARUAN SECARA AUTOMATIK

Ahli Kad dengan ini berjanji berasaskan prinsip Wa`d menawarkan untuk membeli komoditi daripada Bank Rakyat secara Murabahah dengan harga tangguh setelah Bank Rakyat membeli Komoditi daripada pembekal setiap kali pembaharuan Kad Kredit-i dilaksanakan.

3. Berdasarkan prinsip Wakalah, Ahli Kad bersetuju bahawa Bank Rakyat akan dilepaskan daripada sebarang bentuk tanggungan akibat kos atau kerugian yang timbul daripada perlantikan ini kecuali disebabkan oleh kecuaiannya broker.
4. Ahli Kad juga bersetuju bahawa Bank Rakyat sebagai ejen berhak mengenakan yuran Wakalah pada kadar nominal melainkan jika ia dikecualikan atas budi bicara Bank Rakyat setelah perkhidmatan ejen dilaksanakan.
5. Ahli Kad boleh membatalkan pelantikan ejen dengan persetujuan Bank Rakyat.
6. Ahli Kad bagi maksud kegunaan kad kredit sepanjang tempoh tempoh sah

laku kad tersebut, bersetuju bahawa sejurus selepas proses Tawarruq selesai, hasil jualan komoditi akan dikawal oleh Bank Rakyat bagi tujuan kegunaan Kad sepanjang tempoh sah laku kad tersebut bagi tujuan pembayaran kepada mana-mana peniaga yang Ahli Kad telah gunakan Kad.

7. Ahli Kad bersetuju, hasil jualan komoditi akan dikawal oleh Bank berasaskan prinsip Qard selagimana ia tidak digunakan oleh Ahli Kad.
8. Ahli Kad bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank Rakyat untuk menentukan kuantiti, kualiti dan jenis komoditi berdasarkan rundingan antara Bank Rakyat dengan broker komoditi tersebut tertakluk kepada kebersediaan komoditi dalam pasaran semasa bagi tujuan kontrak Murabahah.
9. Ahli Kad hendaklah pada setiap masa material melindungi dan terus melindungi Bank terhadap kesemua tindakan-tindakan, prosiding-prosiding, tuntutan-tuntutan, kerosakan-kerosakan, denda lewat bayar, kos-kos dan perbelanjaan-perbelanjaan (termasuk kos guaman, yuran setem dan pendaftaran, jika ada) yang mungkin akan ditanggung oleh Bank oleh mana-mana individu atau badan yang timbul daripada hak perwakilan yang diberikan kepada Bank dan/ atau sebarang bentuk risiko, kerugian dan kecuaihan yang berlaku dalam transaksi urusniaga komoditi dan proses memeterai kontrak Murabahah tanpa menafikan hak sebenar Ahli Kad.
10. Ahli Kad dan Bank Rakyat juga bersetuju bahawa sebarang pembatalan yang berlaku selepas proses Tawarruq selesai dilaksanakan oleh Bank Rakyat hendaklah dilakukan secara tolak selesai dimana kutipan jualan komoditi kepada broker akan ditolak dengan kos belian Bank Rakyat beserta rebat penuh oleh Bank Rakyat terhadap keuntungannya berdasarkan kombinasi prinsip Syariah Muqassah dan Ibra'.

| <b>Perkataan</b>                   | <b>Makna</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
|------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| “ATM”                              | Mesin Juruwang Automatik                                                                                                                                                                                                                                                                            |
| “Di Saudagar Bukan Kendalian Kami” | Sebarang transaksi di mana pemeroleh dan pengeluar bukan ahli yang sama.                                                                                                                                                                                                                            |
| “Di Saudagar Kendalian Kami”       | Sebarang transaksi di mana pemeroleh dan pengeluar adalah ahli yang sama; “Outlet Tunai yang Dibenarkan” Mana-mana bank, ATM atau outlet yang dibenarkan menerima MasterCard atau mana-mana pemilik jenama lain di mana Bank Rakyat adalah ahli bagi pengeluaran tunai.                             |
| “Saudagar yang Dibenarkan”         | Syarikat-syarikat yang membekalkan barangan dan / atau perkhidmatan Halal dan menerima Kad sebagai satu kaedah pembayaran.                                                                                                                                                                          |
| “Akaun Qard”                       | Akaun Ahli Kad dengan Bank Rakyat yang mana Harga Belian (yang dibayar oleh pedagang komoditi) didepositkan ke dalamnya dan untuk digunakan oleh Ahli Kad mengikut Terma dan Syarat ini.                                                                                                            |
| “Akaun Kad Kredit-i”               | Akaun Ahli Kad dengan Bank Rakyat yang merangkumi Harga Jualan, iaitu prinsipal dan keuntungan, dan juga fi dan caj yang berkaitan dengan penggunaan Kad.                                                                                                                                           |
| “Senarai Pembatalan”               | bermakna:-<br>i. Senarai Kad yang Dihadkan (RCL) yang merupakan notis-notis bercetak yang mengandungi senarai nombor-nombor akaun kad yang dihadkan / dibatalkan untuk memberitahu Saudagar yang Dibenarkan agar tidak menerima apa-apa transaksi sekiranya ada dari mana-mana kad ini dikemukakan. |

|                                          |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
|------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p>“Senarai Pembatalan”</p>              | <p>ii. Buletin Pemulihan Kad (CRB) merupakan notis-notis bercetak yang mengandungi senarai nombor-nombor akaun kad yang dihadkan / dibatalkan untuk memberitahu Saudagar yang Dibenarkan agar tidak menerima apa-apa transaksi sekiranya ada dari mana-mana kad ini dikemukakan.</p> <p>iii. Senarai Kad Panas (HCL) merupakan notis-notis bercetak yang mengandungi senarai nombor-nombor akaun kad MasterCard atau Visa yang dihadkan/ dibatalkan.</p> |
| <p>“Kad”</p>                             | <p>Kad Kredit-i Bank Rakyat MasterCard Emas/ Klasik/ Platinum/ Co-brand atau mana-mana kad kredit atau kad caj lain yang akan dikeluarkan oleh Bank Rakyat termasuklah Kad Tambahan yang akan dikendalikan mengikut Terma dan Syarat ini.</p>                                                                                                                                                                                                            |
| <p>“Komoditi”</p>                        | <p>Bermakna barangan dan komoditi yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan patuh Syariah. Komoditi tersebut akan ditentukan oleh Bank pada waktu berlakunya tawaran. Komoditi adalah sesuatu barangan selain daripada emas, perak, mata wang atau <b>barangan ribawi</b> dan ia juga tidak termasuk <b>daging babi</b>, minuman alkohol, tembakau, narkotik, atau apa-apa perkara lain yang tidak boleh diterima oleh Syariah, Ahli Kad atau Bank;</p> |
| <p>“Penyata Kad”</p>                     | <p>Penyata bulanan yang dikeluarkan oleh Bank Rakyat kepada Ahli Kad yang menunjukkan antara lainnya transaksi-transaksi yang telah dimasukkan ke dalam Akaun Kad Kredit-i.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                          |
| <p>“Pengeluaran Tunai”</p>               | <p>Pengeluaran Tunai dari mana-mana bank, ATM, atau outlet yang dibenarkan untuk menerima MasterCard atau mana-mana pemilik jenama lain yang mana Bank Rakyat adalah ahli.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                           |
| <p>“Tempoh Kontrak”</p>                  | <p>Tempoh yang tidak melebihi tempoh Pembiayaan di mana wang dalam Akaun Qard disediakan untuk kegunaan Ahli Kad.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
| <p>“Had Pembiayaan”</p>                  | <p>Jumlah pembiayaan yang diluluskan oleh Bank Rakyat kepada Ahli Kad yang bersamaan dengan Harga Belian, di mana jumlah tersebut didepositkan ke dalam Akaun Qard bagi kegunaan Ahli Kad.</p>                                                                                                                                                                                                                                                           |
| <p>“Peristiwa Keingkaran”</p>            | <p>Mana-mana peristiwa yang dinyatakan dalam klausa 18 di sini.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
| <p>“Barangan dan Perkhidmatan Halal”</p> | <p>Barangan dan perkhidmatan yang boleh diterima dan dibenarkan oleh Syariah.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
| <p>“Keberhutangan”</p>                   | <p>Harga Jualan atau mana-mana bahagian darinya yang tertunggak dan semua wang lain walau apapun jua termasuk tetapi tidak terhad kepada fi-fi, kos-kos (termasuk kos-kos guaman atas dasar peguamcara dan pelanggan), caj-caj dan perbelanjaan-perbelanjaan yang kena dan perlu dibayar kepada Bank Rakyat di bawah Terma dan Syarat ini.</p>                                                                                                           |
| <p>“Harga Belian”</p>                    | <p>Jumlah yang perlu dibayar kepada Ahli Kad bagi jualan Komoditi kepada mana-mana pihak ketiga oleh Bank sebagai ejen bagi Ahli Kad yang mana jumlah tersebut juga mewakili Pembiayaan.</p>                                                                                                                                                                                                                                                             |
| <p>“Ringgit Malaysia”</p>                | <p>Matawang yang sah di sisi undang-undang Malaysia dan digunapakai untuk semua pembayaran yang perlu dibuat di bawah Terma dan Syarat ini.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |

|                                  |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|----------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| “Harga Jualan”                   | Jumlah yang perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada Bank Rakyat bagi jualan Komoditi oleh Bank Rakyat kepada Ahli Kad yang telah ditetapkan dalam Jadual Komoditi di sini setelah kelulusan Pembiayaan iaitu jumlah Pembiayaan + margin keuntungan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
| “Kitaran Penyata”                | Tempoh di mana semua pembelian barangan dan / atau perkhidmatan, pengeluaran wang tunai, fi dan caj yang ditanggung oleh Ahli Kad ada dinyatakan dalam penyata kad.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
| “Kad Tambahan”                   | Kad yang dikeluarkan oleh Bank Rakyat kepada Ahli Kad Tambahan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
| “Ahli Kad Tambahan”              | Sesiapa yang dinamakan dan dibenarkan oleh Ahli Kad untuk mengendalikan Akaun Kad Kredit-i dan sesiapa yang telah bersetuju untuk terikat dengan peruntukan Terma dan Syarat ini.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
| “MasterCard”                     | MasterCard International Incorporated sebuah syarikat tanpa saham yang diperbadankan dan diasaskan di bawah undang-undang Negeri Delaware, Amerika Syarikat dan beribu pejabat di 2000 Purchase Street, Purchase NY 10577 di mana Bank Rakyat adalah ahli utama.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
| “Bank-bank Ahli”                 | Institusi-institusi kewangan yang merupakan ahli-ahli MasterCard atau mana-mana pemilik jenama lain di mana Bank Rakyat merupakan ahlinya.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
| “Pembayaran Minima Kena Dibayar” | <p>i. Jumlah yang dinyatakan dalam Penyata Kad yang mana dinyatakan Pembayaran Minima Kena Dibayar atau apa-apa amaun lain di dalamnya. 5% daripada baki semasa seperti yang dinyatakan dalam Penyata Kad bersama dengan sebarang bayaran minima lain terdahulu yang masih belum dijelaskan atau Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00) sahaja, yang mana lebih tinggi; atau</p> <p>ii. Jumlah yang melebihi Pembiayaan (jumlah Qard) serta bayaran minima baki semasa bersama sebarang bayaran minima terdahulu yang masih belum dijelaskan.</p> <p>iii. Sekiranya baki tertunggak adalah kurang daripada RM50, Ahli Kad hendaklah membayar jumlah penuh baki yang tertunggak tersebut.</p> |
| “Bulan”                          | Bulan kalendar Gregorian.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
| “Tarikh Matang Bayaran”          | Dua puluh (20) hari dari hari terakhir Kitaran Penyata dalam Penyata Kad di mana Pembayaran Minima Kena Dibayar.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
| “PIN”                            | Nombor Pengenalan Peribadi (PIN) Ahli Kad atau Ahli (Ahli-ahli) Kad Tambahan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
| “Margin Keuntungan”              | Perbezaan antara Harga Jualan dan jumlah Pembiayaan dan kaedah pengiktirafan margin keuntungan sebagai pendapatan Bank Rakyat yang selaras dengan dasar perakaunan Bank Rakyat yang wujud pada masa yang berkenaan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |

## 1. Tafsiran

- i. Perkataan-perkataan dan pernyataan-pernyataan yang merujuk kepada kata tunggal hendaklah termasuk bentuk majmuk dan sebaliknya dan perkataan-perkataan dan pernyataan-pernyataan yang merujuk kepada jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan atau genus neuter.

## 2. Pembayaran oleh Ahli Kad

- ii. Perjanjian Untuk Menjual  
Bank Rakyat bersetuju untuk menjual dan Ahli Kad bersetuju untuk



membeli Komoditi pada Harga Jualan dalam jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Komoditi di sini, tertakluk kepada kelulusan Pembiayaan.

iii. Pembayaran Harga Jualan

- (a) Harga Jualan atau sebahagian daripadanya yang masih belum dibayar hendaklah dibayar oleh Ahli Kad menurut Penyata Kad yang dikeluarkan oleh Bank Rakyat pada Tarikh Matang Pembayaran atau sebarang jumlah lain yang dinyatakan dalam Penyata Kad. Jumlah yang dinyatakan dalam Penyata Kad yang kena dibayar dan perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada Bank Rakyat hendaklah, sekiranya tiada kesilapan ketara, menjadi bukti muktamad bahawa jumlah tersebut adalah kena dibayar dan perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada Bank Rakyat. Semua bayaran yang dibuat oleh Ahli Kad menurut setiap Penyata Kad hendaklah dianggap sebagai bayaran untuk menjelaskan Harga Jualan atau bahagian darinya yang belum dibayar di bawah Terma dan Syarat ini.
- (b) Walau apa pun peruntukan Klausa 2.ii.(a) di atas, selepas menerima Penyata Kad, Ahli Kad hendaklah membayar Jumlah Minimum Kena Dibayar kepada Bank atau setakat baki tertunggak pada atau sebelum Tarikh Matang Bayaran seperti yang dinyatakan dalam Penyata Kad.
- (c) Semua bayaran Kad Kredit-i hendaklah dibuat dalam matawang yang dibilkkan di dalam Penyata Kad. Pembayaran oleh Ahli Kad tidak akan dianggap sudah dibuat sehinggalah pembayaran tersebut telah diterima nilainya oleh Bank Rakyat. Semua bayaran menerusi cek luar hendaklah termasuk dengan Komisen Tukaran Dalam Negeri yang berkaitan, jika berkenaan. Kegagalan memasukkan Komisen tersebut membolehkan Bank Rakyat mendebitkan akaun Ahli Kad untuk bayaran tersebut.
- (d) Di mana Kad dikendalikan sebagai kad caj dan pembayaran pembiayaan jumlah penuh baki semasa diperlukan setiap bulan, Jumlah Minima Kena Dibayar ialah jumlah baki semasa seperti yang dinyatakan dalam Penyata Kad.
- (e) Tanpa mengambil kira mana-mana peruntukan lain di sini, Bank Rakyat adalah bebas untuk menggunakan semua atau mana-mana bayaran tersebut dengan apa-apa cara lain sepertimana yang Bank Rakyat mengikut budi bicara mutlaknya fikirkan patut dan perlu.

### 3. Penerimaan Kad

- i. Kad Kredit-i Bank Rakyat yang dikeluarkan perlu segera ditandatangani oleh Ahli Kad dan Ahli Kad Tambahan apabila menerima Kad (Kad-kad). Sama ada Ahli Kad menandatangani Kad atau tidak, beliau bertanggungjawab sepenuhnya untuk mematuhi semua syarat Perjanjian ini, termasuk obligasi untuk membayar Bank Rakyat untuk semua baki yang kena dibayar ke atas Akaun Kad seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian ini.
- ii. Sebagai balasan Bank Rakyat mengeluarkan Kad kepada Ahli Kad dan mana-mana Kad Tambahan kepada Ahli (Ahli-ahli) Kad Tambahan, Ahli Kad dan Ahli (Ahli-ahli) Kad Tambahan bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini dan apa-apa Terma dan Syarat lain sepertimana yang Bank Rakyat mungkin kenakan dari semasa ke semasa, dengan notis pemberitahuan selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Ahli Kad dengan menggunakan kaedah komunikasi yang dianggap sesuai oleh Bank Rakyat.
- iii. Penggunaan Kad adalah terhad kepada Ahli Kad dan mana-mana Kad Tambahan kepada Ahli (Ahli-ahli) Kad Tambahan kepada siapa Kad tersebut dikeluarkan untuk digunakan di Saudagar yang Dibenarkan, yang dibenarkan untuk menerima MasterCard atau mana-mana pemilik jenama lain yang mana Bank Rakyat adalah ahlinya sebagai satu kaedah pembayaran.
- iv. Ahli Kad dan Ahli Kad Tambahan tidak boleh mengizinkan atau membenarkan mana-mana pihak ketiga untuk menggunakan Kad (Kad-kad) dan tidak boleh memindahkan ataupun melepaskan kawalan atau pemilikan Kad (Kad-kad) atau menggunakannya untuk mana-mana tujuan yang tidak dibenarkan oleh Bank Rakyat.
- v. Ahli Kad hendaklah bertanggungjawab terhadap semua liabiliti, obligasi

dan caj yang ditanggung oleh Ahli Kad dan / atau Ahli (Ahli- ahli) Kad Tambahan di bawah Akaun Kad Kredit-i.

- vi. Sekiranya Ahli Kad tidak mahu terikat dengan Terma-terma dan Syarat-syarat ini, Ahli Kad hendaklah memotong Kad dan Kad (Kad-kad) Tambahan kepada dua dan dengan serta-merta memaklumkan kepada Bank Rakyat untuk pembatalan dan hendaklah selepas itu menyelesaikan Harga Jualan atau mana-mana bahagian darinya yang masih belum dibayar di bawah Perjanjian Jualan bersama-sama dengan apa-apa jumlah yang tertunggak.

#### 4. Penggunaan Kad

- i. Ahli Kad hendaklah bertanggungjawab kepada Bank Rakyat terhadap semua transaksi yang dibuat oleh Ahli Kad dan / atau Ahli (Ahli-ahli) Kad Tambahan yang menggunakan Kad dan Kad (Kad-kad) Tambahan dan semua fi dan caj yang berkaitan yang dibilkan ke Penyata Kad,
  - (a) Untuk melaksanakan pembelian kredit daripada mana-mana Saudagar yang Dibenarkan, Ahli Kad dan Ahli (Ahli-ahli) Kad Tambahan mesti menandatangani Draf Jualan yang disediakan oleh Saudagar yang Dibenarkan.
  - (b) Untuk melaksanakan Pengeluaran Tunai menggunakan Kad dari mana-mana Outlet Tunai yang Dibenarkan, Ahli Kad dan Ahli (Ahli-ahli) Kad Tambahan hendaklah menandatangani Draf Pengeluaran Tunai yang disediakan oleh Outlet Tunai yang Dibenarkan.
  - (c) Untuk melaksanakan Pengeluaran Tunai melalui ATM, Ahli Kad dan Ahli (Ahli-ahli) Kad Tambahan hendaklah menggunakan PINnya untuk mendapatkan akses ke Akaun Kad Kredit-i.
- ii. Tanpa mengambil kira peruntukan yang ditetapkan dalam Klausa 4.1 diatas, Ahli Kad dengan ini memberi kebenaran kepada Bank Rakyat untuk membeli Draf jualannya yang tidak ditandatangani dan untuk mendebitkan Akaun Kad Kredit-i untuk pembayaran-pembayaran yang dibuat oleh Bank Rakyat kepada Saudagar yang Dibenarkan atau Bank-bank Ahli MasterCard atau mana-mana pemilik jenama lain yang mana Bank Rakyat merupakan ahli bagi pembelian tersebut, jika Bank Rakyat berpendapat bahawa berasaskan bukti dokumentari yang memuaskan, bahawa ketiadaan tersebut adalah disebabkan oleh sifat semulajadi transaksi atau disebabkan oleh kesilapan di pihak Ahli Kad dan / atau Saudagar yang Dibenarkan dan / atau Bank-bank Ahli MasterCard atau mana-mana pemilik jenama lain yang mana Bank Rakyat merupakan ahlinya.
- iii. Bank Rakyat berhak untuk menganggap rekod Bank Rakyat terhadap sebarang transaksi yang dilaksanakan menerusi penggunaan Kad, termasuk tetapi tidak terhad kepada transaksi-transaksi yang dilaksanakan menerusi Perdagangan Elektronik, Pesanan Pos, menerusi telefon atau di Terminal Jualan tertentu termasuk tetapi tidak terhad kepada transaksi-transaksi di stesen minyak dan/atau menerusi sebarang kaedah lain yang diperkenalkan/digunapakai dari masa ke semasa sebagai bukti hutang yang ditanggung oleh Ahli Kad yang perlu didebitkan ke dalam Akaun Kad Kredit-i tanpa mengambil kira bahawa mana-mana rekod sedemikian mungkin tidak mengandungi tandatangan Ahli Kad/Ahli (Ahli-ahli) Kad Tambahan.
- iv. Ahli Kad dan Ahli (Ahli-ahli) Kad Tambahan hendaklah menggunakan Kad (Kad-kad) hanya untuk melaksanakan pembelian runcit, pembayaran atau Pengeluaran Tunai barangan dan perkhidmatan yang Halal dan bukan sebaliknya.
- v. Penggunaan Kad untuk melaksanakan Pengeluaran Tunai adalah terhad kepada jumlah sebagaimana yang Bank, mengikut budibidara mutlaknya tentukan.
- vii. Jika Ahli Kad mempunyai dua atau lebih Kad, jumlah Pembiayaan bergabung akan diberikan oleh Bank Rakyat kepada Akaun Kad Kredit-i yang mewakili jumlah keseluruhan Pembiayaan yang ditambahkan untuk meliputi penggunaan semua Kad yang dipegang oleh Ahli Kad dan Ahli (Ahli-ahli) Kad Tambahan, jika ada.
  - (a) Bank Rakyat tidak akan menanggung liabiliti bagi sebarang tindakan atau peninggalan di pihak Saudagar yang Dibenarkan termasuk

- keengganan Saudagar yang Dibenarkan untuk menerima Kad atau sebarang kecacatan atau kekurangan pada mana-mana barangan atau perkhidmatan yang disediakan oleh Saudagar yang Dibenarkan.
- (b) Ahli Kad hendaklah menyelesaikan semua aduan, tuntutan dan pertikaian dengan Saudagar yang Dibenarkan secara terus dan bukan menerusi Bank Rakyat. Ahli Kad berjanji untuk tidak membabitkan Bank Rakyat dalam sebarang tuntutan dan/atau pertikaian atau tindakan undang-undang seperti yang tersebut terhadap Saudagar yang Dibenarkan.
  - (c) Sebarang tuntutan/pertikaian yang Ahli Kad mungkin ada terhadap Saudagar yang Dibenarkan tidak akan melepaskan Ahli Kad daripada obligasi untuk membayar Bank Rakyat jumlah yang ditanggung yang timbul daripada penggunaan Kad oleh Ahli Kad dan/atau Ahli Kad Tambahan seperti yang dinyatakan dalam Penyata Kad.
- viii. Ahli Kad tidak dibenarkan untuk menggunakan Pembiayaan selepas tamat Tempoh Kontrak melainkan transaksi Tawarruq baru dimeterai diantara Bank dan Ahli Kad.
  - ix. Tertakluk kepada Terma dan Syarat Pembiayaan, Ahli Kad boleh menggunakan wang yang terdapat dalam Akaun Qard dari semasa ke semasa tertakluk kepada jumlah Pembiayaan.
  - x. Kad tidak boleh digunakan untuk apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang termasuk pertaruhan dan/ atau aktiviti-aktiviti perjudian secara online dan/ atau aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pengubahan wang haram dan/ atau tujuan-tujuan yang bertentangan dengan prinsip Syariah, sama ada secara langsung ataupun tidak langsung (sengaja/ tidak sengaja). Ahli Kad bersetuju bahawa Bank Rakyat tidak berhutang dengan Ahli Kad apa-apa kewajipan dan / atau obligasi untuk memantau dan menyekat penggunaan Kad untuk apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang. Jika Bank Rakyat mendapati bahawa Kad telah digunakan untuk aktiviti yang menyalahi undang undang, Bank Rakyat boleh menamatkan dengan serta-merta penggunaan Kad. Kredit terhadap apa-apa kemenangan, cip-cip yang tidak dibelanjakan, atau nilai lain yang mungkin digunakan untuk transaksi-transaksi perjudian tidak akan diterima untuk dikreditkan ke dalam Akaun Kad Kredit-i.
  - xi. Ahli Kad tidak boleh menggunakan Kad untuk tujuan perniagaan dan/ atau komersial yang dianggap sebagai tidak boleh diterima oleh Bank Rakyat, yang mana Bank Rakyat berhak untuk menyekat kebenaran untuk menggunakan Kad untuk aktiviti-aktiviti yang sedemikian.

## **5. Produk-produk Kad Kredit-i Bank Rakyat**

- i. Bank Rakyat boleh memperkenalkan produk-produk khas atau program-program yang berkaitan dengan penggunaan Kad, termasuk produk-produk atau program-program yang menawarkan kadar promosi, pengurangan kadar atau caj keuntungan, harikeuntungan bebas caj, pelan ansuran atau lain-lain terma khas.
- ii. Bank Rakyat akan memaklumkan kepada Ahli Kad terma dan syarat produk atau apa-apa program tersebut pada masa ia diperkenalkan. Terma dan Syarat bagi produk-produk dan program-program tersebut adalah mengikat Ahli-ahli Kad seolah-olah ia telah terkandung dalam Perjanjian ini.
- iii. Jika terdapat apa-apa percanggahan antara Terma dan Syarat Perjanjian ini dan Terma dan Syarat produk-produk atau program-program khas, Terma dan Syarat produk-produk atau program-program khas akan diguna pakai (kecuali dinyatakan sebaliknya dengan jelas dalam terma dan syarat produk atau program tersebut).
- iv. Lebih daripada satu produk atau program khas boleh diaplikasikan kepada Akaun Kad Kredit-i pada masa yang sama. Bank Rakyat boleh memilih untuk memperkenalkan dan menamatkan mana- mana produk dan program khas tersebut atas budi bicara mutlak Bank Rakyat dengan memberikan notis kepada Ahli Kad.

## **6. Bank tidak Bertanggungjawab ke atas Tindakan Pedagang dan Lain-lain Pihak Ketiga**

- i. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap penolakanmana-

- mana saudagar atau ahli institusi MasterCard International untuk menerima Kad atau untuk apa-apa kecacatan atau kekurangan dalam barangan-barangan atau perkhidmatan-perkhidmatan yang dibekalkan kepada Ahli Kad oleh mana-mana saudagar. Sebarang aduan oleh Ahli Kad mestilah diselesaikan secara langsung dengan saudagar atau ahli institusi MasterCard International yang berkenaan dan tiada tuntutan terhadap saudagar atau ahli institusi MasterCard International boleh dibuat tolgan atau dituntut balas terhadap Bank Rakyat. Selanjutnya, Ahli Kad bersetuju untuk bertanggungjawab ke atas jumlah yang ditanggung dan tidak akan menahan pembayaran kepada Bank Rakyat disebabkan oleh mana-mana aduan tersebut atau di bawah apa jua keadaan.
- ii. Dalam meluaskan dan tidak mengurangkan kuasa yang tersebut di atas, Bank Rakyat tidak akan atas apa jua sebab sekalipun bertanggungjawab ke atas kerugian yang dialami atau kehilangan yang ditanggung oleh Ahli Kad di dalam apa jua keadaan sekalipun atau bukan keadaan yang berkaitan dengan atau timbul daripada Perjanjian ini termasuk tetapi tidak terhad kepada keengganan penerimaan kad tersebut atas apa jua sebab oleh mana-mana saudagar, orang atau badan keengganan penerimaan oleh mana-mana Bank atau mana-mana ahli institusi MasterCard International bagi pendahuluan wang tunai, penolakan Kad oleh mana-mana ATM, ketidakpembaharuan, sekatan atau pembatalan had atau kemudahan kredit, penyenaiaan nombor Kad tersebut dalam mana-mana senarai pembatalan atau di bawah mana-mana keadaan di mana Bank Rakyat adalah bertanggungjawab untuk bertindak secara munasabah untuk melindungi hak-haknya di bawah peruntukan-peruntukan Perjanjian ini.
  - iii. Ahli Kad perlu menyemak bahawa jumlah transaksi adalah betul sebelum Ahli Kad menandatangani baucer jualan atau rekod transaksi yang diberikan kepada Ahli Kad oleh pedagang-pedagang atau institusi kewangan apabila Ahli Kad menggunakan Kad dan sebelum Ahli Kad memasukkan PIN atau nombor pengenalan lain atau kata laluan di kemudahan perbankan elektronik atau internet. Dengan menandatangani baucar atau laporan transaksi atau memasukkan nombor PIN Kad Ahli Kad atau nombor pengenalan lain atau kata laluan di kemudahan perbankan elektronik atau internet, Ahli Kad adalah dianggap telah menerima bahawa jumlah transaksi tersebut adalah betul.

## **7. Kad Tambahan**

- i. Atas permintaan Ahli Kad, Bank Rakyat boleh mengikut budi bicara tunggal dan mutlakny mengeluarkan Kad Tambahan kepada orang yang dinamakan oleh Ahli Kad di bawah Akaun Qard yang sama.
- ii. Ahli Kad dan Ahli (Ahli-ahli) Kad Tambahan akan bersed sama dan berasingan bertanggung kepada Bank Rakyat untuk semua jumlah dan caj yang kena dibayar dan perlu dibayar kepada Bank Rakyat walaubagaimana sekalipun timbul daripada penggunaan oleh Ahli (Ahli-ahli) Kad Tambahan terhadap Kad (Kad-kad) Tambahannya sendiri. Walau bagaimanapun, Ahli (Ahli-ahli) Kad Tambahan hanya akan bertanggungjawab untuk liabiliti-liabiliti, obligasi-obligasi dan caj-caj yang ditanggung oleh Kad (Kad-kad) Tambahannya sahaja.
- iii. Di samping itu, Ahli Kad adalah bertanggungjawab bagi memastikan bahawa Ahli Kad Tambahan mematuhi semua terma, syarat dan obligasi yang terkandung di sini.
- iv. Kad Tambahan yang dikeluarkan boleh dibatalkan menerusi notis bertulis daripada Ahli Kad dan Kad Tambahan yang dipotong dua. Tanpa mengambil kira terdapatnya notis terdahulu tentang hasrat Ahli Kad untuk membatalkan atau menamatkan penggunaan Kad Tambahan, Ahli Kad akan dan masih perlu menanggung liabiliti bagi semua transaksi (yang dibenarkan atau tidak dibenarkan) yang dilakukan menerusi penggunaan Kad Tambahan sehingga tarikh pemberitahuan itu dibuat.
- v. Kesahihan Kad Tambahan adalah bergantung kepada kesahihan Kad. Apabila penamatan penggunaan Kad dan Terma-terma dan Syarat-syarat ini atas apa jua sebab sekalipun, Kad Tambahan yang dikeluarkan juga akan ditamatkan.

## **8. Transaksi Luar Negara**

- i. Ahli Kad boleh menggunakan Kad di luar Malaysia dengan Pedagang-pedagang yang Dibenarkan dan / atau di Outlet Tunai yang Dibenarkan.
- ii. Ahli Kad boleh menggunakan Kad untuk Pengeluaran Tunai di mana-mana ATM yang ditentukan oleh Bank Rakyat dan ATM Bank-bank Ahli lain yang menyertai MasterCard atau mana-mana pemilik jenama lain yang mana Bank Rakyat adalah ahli.
- iii. Sekiranya Ahli Kad menggunakan Kad di luar Malaysia, transaksi akan dicajkan dalam matawang rasmi negara berkenaan dan ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran dan pada masa sebagaimana yang ditentukan oleh MasterCard mengikut budi bicara mutlaknyanya atau mana-mana pemilik jenama lain yang Bank Rakyat adalah ahli.
- iv. Di mana terpakai, Ahli Kad hendaklah memberi kuasa kepada Bank Rakyat untuk mengambil langkah-langkah untuk mematuhi Peraturan Kawalan Pertukaran yang berkaitan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia berkenaan dengan apa-apa transaksi luar negara.
- v. Ahli Kad bersetuju bahawa sekiranya apa-apa pertikaian mengenai kadar pertukaran yang ditentukan oleh MasterCard terhadap mana-mana transaksi yang dibuat oleh Ahli Kad di luar Malaysia, Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab untuk menyelesaikan pertikaian itu bagi pihak Ahli Kad dengan MasterCard.

## **9. Transaksi Internet**

- i. Jika Ahli Kad menggunakan Kad untuk membeli barangan-barangan dan/ atau perkhidmatan-perkhidmatan melalui laman internet atau portal dalam talian, Ahli Kad adalah secara sepenuhnya bertanggungjawab terhadap keselamatan penggunaannya pada setiap masa. Ahli Kad bersetuju bahawa kemasukan maklumat Kad di internet adalah bukti yang mencukupi bahawa arahan-arahan telah diberikan bagi penggunaan Kad.
- ii. Bank Rakyat tidak perlu mengesahkan identiti atau kebenaran orang yang memasukkan maklumat Kad. Bank Rakyat tidaklah bertanggungjawab kerana bertindak ke atas apa-apa penggunaan Kad tersebut tanpa mengira sama ada orang yang memasukkan maklumat Kad tersebut diberikuasa untuk berbuat demikian, dan tanpa mengambil kira situasi semasa pada masa transaksi.
- iii. Walau bagaimanapun, Bank Rakyat boleh memilih untuk tidak menjalankan apa-apa transaksi melalui internet jika Bank Rakyat mempunyai apa-apa sebab untuk meragui kesahihannya atau jika pada pendapat Bank Rakyat, ia adalah menyalahi undang-undang atau sebaliknya tidak wajar untuk berbuat demikian atau untuk apa-apa sebab lain.

## **10. Akaun Qard**

- i. Bank Rakyat hendaklah mengekalkan satu (1) Akaun Qard bagi Ahli Kad dan Ahli (Ahli-ahli) Kad Tambahan dan semua transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad dan / atau apa-apa fi lain hendaklah didebitkan kepada Akaun Kad Kredit-i.
- ii. Penyata Kad untuk Akaun Qard kepunyaan Ahli Kad dan Ahli (Ahli-ahli) Kad Tambahan yang menyatakan transaksi-transaksi yang telah dimasukkan ke Akaun Kad Kredit-i hendaklah dihantar kepada Ahli Kad secara bulanan atau pada tarikh yang ditentukan oleh Bank Rakyat dan selepas ini disebut sebagai Tarikh Penyata.
- iii. Semua rekod dan kemasukkan dalam Penyata Kad akan dianggap sebagai betul dan mengikat Ahli Kad melainkan jika Ahli Kad memaklumkan kepada Bank Rakyat secara bertulis mengenai kesilapan (jika ada) dalam Penyata Kad tidak lewat daripada empat belas (14) hari dari tarikh Penyata Kad.
- iv. Ahli Kad hendaklah memaklumkan kepada Bank Rakyat dengan segera secara bertulis mengenai sebarang perubahan alamat kediaman Ahli Kad dan / atau pejabat dan / atau pengebilan, nombor telefon atau perubahan pekerjaan. Ahli Kad juga hendaklah memberitahu Bank Rakyat tentang niat mereka untuk tidak berada di Malaysia untuk selama lebih dari tiga puluh (30) hari.

## 11. Pemilikan Kad

- i. Kad kekal menjadi hakmilik Bank Rakyat pada setiap masa dan mesti diserahkan semula kepada Bank Rakyat sebaik sahaja diminta Bank Rakyat, atau diminta ejen Bank Rakyat yang diberi kuasa sewajarnya, jika penggunaan Kad oleh Ahli Kad adalah dibatalkan atau digantung. Setelah penamatan Kad, Ahli Kad hendaklah memotong Kad yang luput itu kepada dua atau beberapa keping merentasi jalur magnet dan mikrochip yang tertanam di dalam Kad (jika ada) supaya komponen-komponen tersebut rosak sepenuhnya dan dengan serta-merta menyerahkan Kad yang luput itu dan memohon untuk Kad yang baru. Lanya terpulung kepada budi bicara mutlak Bank Rakyat sama ada untuk mengeluarkan Kad yang baru.

## 12. Penggantungan, Pembatalan atau Penamatan

- i. Sebagai tambahan kepada dan tanpa menyimpang dari mana-mana peruntukan Terma dan Syarat ini, Bank Rakyat boleh menamatkan Terma dan Syarat ini menerusi notis bertulis tanpa memberikan apa-apa sebab untuk penamatan, di mana Bank Rakyat mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Ahli Kad telah menyalahgunakan Kad dan/ atau terlibat dalam sebarang kegiatan yang menyalahi undang-undang termasuk pertaruhan dan/ atau perjudian melalui internet dan/ atau aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pengubahan wang haram dan/ atau tujuan-tujuan yang bertentangan dengan prinsip Syariah, sama ada secara langsung ataupun tidak langsung (sengaja/ tidak sengaja) dan/ atau telah melanggar mana-mana Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini. Berikutan penamatan itu, Kad akan dengan serta merta dibatalkan sama ada Kad tersebut dikembalikan atau tidak oleh Ahli Kad kepada Bank Rakyat. Ahli (Ahli-ahli) Kad Tambahan juga akan dibatalkan serta-merta sama ada atas permintaan Ahli Kad atau tidak dan sama ada ianya dikembalikan kepada Bank Rakyat atau tidak.
- ii. Tanpa menjejaskan perkara di atas, apabila berlaku sebarang pelanggaran di sini atau sekiranya berlaku mana-mana Peristiwa Keingkar, semua wang yang terhutang kepada Bank Rakyat dibawah Akaun Kad Kredit-i berdasarkan Penyata Kad akan menjadi kena dibayar dan perlu dibayar dengan serta-merta di mana Bank Rakyat berhak untuk melaksanakan hak-haknya di bawah Terma- terma dan Syarat-syarat ini.
- iii. Ahli Kad dengan ini mengakui bahawa mana-mana Kad yang telah dibatalkan atau ditarik balik oleh Bank Rakyat akan diletakkan dalam "Senarai Pembatalan" yang akan diedarkan kepada semua Saudagar yang Dibenarkan dan Outlet Tunai yang Dibenarkan dan semua cawangan Bank Rakyat.
- iv. Ahli Kad boleh pada bila-bila masa menamatkan penggunaan Kad dan memaklumkan kepada Bank Rakyat perkara tersebut. Tiada bayaran balik yuran tahunan atau mana-mana bahagian daripadanya akan dibuat. Tanpa mengambil kira sebarang pemberitahuan terdahulu oleh Ahli Kad tentang niatnya untuk membatalkan atau menamatkan penggunaan Kad tersebut atau Terma dan Syarat ini, Ahli Kad akan dan terus menanggung liabiliti bagi sebarang transaksi (yang dibenarkan atau yang tidak dibenarkan) yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad sehinggalah tarikh Kad ditamatkan dan pemberitahuan dibuat kepada Bank Rakyat oleh Ahli Kad.
- v. Tanpa mengambil kira Tarikh Matang Pembayaran yang dinyatakan dalam Penyata Kad, seluruh baki tertunggak dalam Akaun Kad Kredit-i akan menjadi kena dibayar dan perlu dibayar selepas berlakunya peristiwa-peristiwa tersebut di atas
- vi. Selepas penamatan penggunaan Kad tersebut, semua keuntungan dan caj lain hendaklah dengan serta-merta perlu dibayar kepada Bank Rakyat. Adalah dengan ini dipersetujui dengan nyatanya oleh Ahli Kad dan Bank Rakyat bahawa semua peruntukan yang terkandung di sini akan terus berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya tanpa mengambil kira akan penamatan penggunaan Kad selaras dengan Terma dan Syarat ini. Semua wang yang seterusnya didebitkan ke dalam Akaun Kad Kredit-i selepas penamatan penggunaan Kad seperti yang disebut sebelum ini akan menjadi serta merta kena dibayar dan perlu dibayar apabila dimasukkan ke dalam Akaun Kad Kredit-i dan semua keuntungan dan caj lain itu

hendaklah juga dengan serta- merta perlu dibayar.

### **13. Pembatalan / Penggantungan Disebabkan Keganasan**

- i. Sebagai tambahan dan tanpa prejudis kepada apa-apa hak dan remedi lain Bank Rakyat atau betapa umumnya mana-mana peruntukan lain pada Perjanjian ini, Bank Rakyat berhak mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya untuk mengisytiharkan bahawa: -
  - (a) Kad akan digantung, di mana dengan itu ianya akan digantung; dan / atau
  - (b) Kad atau mana-mana bahagian darinya akan dibatalkan, di mana dengan itu ianya akan dibatalkan; dan / atau
  - (c) Semua atau mana-mana prinsipal, caj keuntungan dan apa-apa jumlah lain yang terkumpul di bawah kad (sama ada pada masa sekarang, masa hadapan, yang sebenar atau kontingen) dengan serta-merta menjadi kena dibayar dan perlu dibayar, di mana dengan itu ianya hendaklah menjadi perlu dibayar.
- ii. Jika berlaku sebarang peristiwa atau siri peristiwa sama ada berkaitan atau tidak termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa perbuatan kekerasan, keganasan, permusuhan atau peperangan, darurat nasional, pemberontakan, revolusi, penderhakaan atau bencana lain (sama ada yang berlaku di dalam atau di luar Malaysia atau di mana-mana tempat lain yang Bank Rakyat mungkin jalankan perniagaan) atau perubahan keadaan lain yang berlaku yang pada pendapat Bank Rakyat (yang mana pendapat ini adalah muktamad dan mengikat Ahli Kad): -
  - (a). Akan atau mungkin menyebabkan ia tidak digalakkan atau tidak praktikal bagi Bank Rakyat untuk membuat, mengekalkan atau membiayai kemudahan Kad atau untuk terus berbuat demikian atau untuk membenarkan mana-mana penggunaan atau penggunaan berterusan ke atas kemudahan Kad atau untuk mematuhi mana-mana obligasinya di bawah Terma dan Syarat ini; atau
  - (b). Boleh atau mungkin menjejaskan keupayaan atau kesanggupan Ahli Kad untuk menuruti atau mematuhi dengan apa-apa obligasi di pihak Ahli Kad untuk dipatuhi di bawah Terma dan Syarat ini atau membuatnya mustahil bagi Ahli Kad untuk melakukan atau sanggup melakukannya.

### **14. Transaksi ATM dan Bank Elektronik dan Perkhidmatan**

- i. Bagi maksud melaksanakan mana-mana pengeluaran wang tunai melalui Mesin Juruwang Automatik ("ATM"), Bank Rakyat akan menyediakan Nombor Pengenalan Peribadi ("PIN") kepada Ahli Kad. PIN adalah sulit dan Ahli Kad tidak boleh mendedahkan PIN kepada mana-mana orang dalam apa jua keadaan atau dengan apa jua cara, sama ada secara sukarela atau sebaliknya.
- ii. Bank Rakyat akan mengeluarkan dan menghantar PIN kepada Ahli Kad atas risiko Ahli Kad sendiri. Ahli Kad tidak seharusnya menyimpan sebarang rekod bertulis PIN di mana-mana tempat atau dalam cara yang membolehkan pihak ketiga mendapat akses dan / atau menggunakan Kad tersebut. Kegagalan untuk mematuhi keperluan ini akan mendedahkan Ahli Kad kepada kecurian dan / atau penggunaan Kad tanpa kebenaran, yang mana Bank Rakyat tidak akan dalam apa-apa cara sekalipun bertanggungjawab. Ahli Kad membebaskan Bank Rakyat dari segala tuntutan dan liabiliti daripada semua pihak yang timbul dari penggunaan PIN, tidak kira sama ada penggunaan itu dibenarkan.

### **15. Kehilangan / Kecurian Kad dan Pendedahan PIN**

- i. Ahli Kad hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya untuk mencegah kehilangan dan kecurian Kad, pendedahan PIN kepada pihak yang tidak dibenarkan atau penggunaan Kad secara tidak sah. Mana-mana kad yang hilang dan dicuri, pendedahan PIN kepada pihak yang tidak dibenarkan atau penggunaan Kad yang tidak sah mestilah dengan serta-merta dilaporkan kepada Bank Rakyat melalui telefon, telegram, faksimili, atau teleks dan/ atau apa-apa cara telekomunikasi lain dan bagi memudahkan proses siasatan oleh Bank, laporan pengesahan/ polis juga mesti dibuat oleh Ahli Kad sebaik sahaja kejadian itu dan satu

salinan darinya perlu diberikan kepada Bank Rakyat tidak lewat daripada tujuh (7) hari dari kehilangan dan kecurian Kad, pendedahan PIN kepada pihak yang tidak dibenarkan atau penggunaan Kad yang tidak sah tersebut.

- ii. Ahli Kad bertanggungjawab untuk menunjukkan bahawa Kad tidak digunakan oleh Ahli Kad pada masa transaksi yang dipertikaikan telah dimasukkan dalam rekod. Semua transaksi ATM (termasuk tetapi tidak terhad kepada Pengeluaran-pengeluaran Tunai) hendaklah dianggap telah dibuat oleh Ahli Kad dan hendaklah bertanggungjawab bagi semua caj dan pengeluaran walau apa pun jua yang timbul daripada semua transaksi ATM. Beban untuk membuktikan bahawa sebarang transaksi ATM itu tidak dibuat oleh Ahli Kad hendaklah diberikan kepada Ahli Kad.
- iii. Ahli Kad hendaklah bertanggungjawab ke atas semua caj dan pengeluaran yang timbul daripada semua jenis transaksi, sama ada dibenarkan atau tidak dibenarkan, yang dilaksanakan dengan menggunakan Kad sebelum sebarang notis makluman berkenaan kehilangan Kad dan/ atau kecurian Kad dan/ atau penggunaan Kad tanpa kebenaran dan/ atau pendedahan PIN kepada pihak yang dibenarkan atau tidak dibenarkan diterima dengan segera oleh Bank Rakyat, sama ada secara lisan ataupun bertulis daripada Ahli Kad.
- iv. Rekod Bank Rakyat mengenai sebarang transaksi yang dilaksanakan menggunakan Kad adalah muktamad dan mengikat Ahli Kad. Ahli Kad hendaklah membayar kepada Bank Rakyat apa-apa jumlah wang sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Rakyat untuk membayar kos dan perbelanjaan lain yang ditanggung oleh Bank Rakyat yang timbul akibat atau yang berkaitan dengannya.
- v. Liabiliti maksima kepada Ahli Kad untuk sebarang penggunaan Kad tanpa kebenaran disebabkan oleh kehilangan atau kecurian atau berlaku pendedahan PIN tanpa kebenaran adalah terhad kepada RM250 sahaja, dengan syarat Ahli Kad tidak melakukan sebarang penipuan atau tidak gagal memaklumkan kepada Bank dengan KADAR SEGERA setelah mendapati Kad tersebut hilang atau dicuri. (KADAR "SEGERA" bermaksud kehilangan atau kecurian atau berlaku pendedahan PIN tanpa kebenaran dimaklumkan kepada Bank Rakyat dalam tempoh 2 jam dari masa kejadian).
- vi. Klausula V adalah tidak terpakai, sekiranya Ahli Kad didapati melakukan penipuan atau gagal memaklumkan kepada Bank Rakyat dengan KADAR SEGERA setelah mendapati Kad tersebut hilang atau dicuri atau berlaku pendedahan PIN tanpa kebenaran dan dalam keadaan ini Ahli Kad adalah bertanggungjawab sepenuhnya di atas kesemua urusan yang dibuat dengan menggunakan Kad tersebut.
- vii. Apabila Kad yang hilang atau dicuri ditemui, Ahli Kad tidak boleh menggunakan Kad tersebut yang ditemui semula dan hendaklah dengan serta-merta memotong Kad tersebut kepada dua dan memaklumkan kepada Bank Rakyat.
- viii. Bank Rakyat tidak bertanggungjawab untuk mengeluarkan kad gantian berikutan kehilangan atau kecuriannya. Mana-mana pengeluaran Kad gantian adalah tertakluk kepada fi penggantian kad yang mungkin ditentukan oleh Bank Rakyat. Apabila apa-apa kerugian, kecurian dan / atau penggunaan Kad yang tidak dibenarkan atau apabila diketahui bahawa mana-mana individu atau pihak telah memperolehi maklumat PIN, Ahli Kad boleh meminta Bank Rakyat untuk mengeluarkan Kad gantian. Bank Rakyat mempunyai hak untuk menerima atau menolak permintaan tersebut.

#### **16. Pencegahan Penggunaan tanpa Kebenaran bagi Penggantian Kad yang Rosak, Pembaharuan Kad yang Tamat Tempoh dan Penaiktarafan Kad yang Sedia Ada**

- i. Ahli Kad mesti menggunakan semua langkah berjaga-jaga yang munasabah dan sedaya upaya menghalang penggunaan tanpa kebenaran Kad lama Ahli Kad yang belum luput apabila menggantikan Kad rosak, pembaharuan awal Kad dan menaiktaraf Kad yang sedia ada.
- ii. Untuk mengelakkan penggunaan yang tidak dibenarkan, Ahli Kad mesti



memusnahkan Kad rosak / luput / usang dengan memotong ia kepada dua atau beberapa keping merentasi jalur magnet dan mikrochip yang tertanam di dalam Kad (jika ada) supaya komponen-komponennya benar-benar rosak sebelum melupuskan Kad.

- iii. Semua caj yang timbul daripada transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad apabila ia dilupuskan dengan cuai, termasuk semua pengeluaran wang tunai, dianggap telah dibuat oleh Ahli Kad dan Ahli Kad adalah bertanggungjawab ke atas semua caj itu.
- iv. Tanpa menjejaskan hak-hak Bank Rakyat dan juga jika Ahli Kad telah menjalankan segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan sedaya upaya untuk mengelakkan kehilangan atau kecurian atau penggunaan Kad tanpa kebenaran, Ahli Kad akan terus bertanggungjawab kepada Bank Rakyat jika Ahli Kad telah bertindak dengan cara yang salah di mana Ahli Kad terlibat dalam perolehan barangan-barangan atau perkhidmatan-perkhidmatan yang dibekalkan oleh mana-mana saudagar, pendahuluan-pendahuluan tunai atau transaksi-transaksi ATM yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad lama Ahli Kad yang belum luput.

## **17. Pertikaian**

- i. Semua pertikaian yang timbul dari Penyata Kad Ahli Kad hendaklah dibuat atau diberitahu kepada Bank Rakyat dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Penyata Kad. Tanpa mengambil kira apa-apa di sini yang sebaliknya, Ahli Kad dianggap telah menerima semua caj dan representasi yang dibuat ke atas Penyata Kad secara muktamadnya sekiranya ianya tidak dipertikaikan dalam tempoh empat belas (14) hari tersebut.

## **18. Peristiwa-peristiwa Keingkaran**

- i. Apabila berlakunya mana-mana dari peristiwa-peristiwa berikut pada bila-bila masa dan tanpa mengira sama ada peristiwa tersebut berada di dalam atau di luar kawalan Ahli Kad:
  - (a) Ahli Kad ingkar dalam pembayaran Keberhutangan atau mana-mana bahagian darinya selepas ianya menjadi kena dibayar sama ada dituntut secara rasmi atau tidak.
  - (b) Ahli Kad gagal atau melanggar mana-mana peruntukan Terma dan Syarat ini.
  - (c) Jika apa-apa representasi atau waranti yang telah dibuat atau dianggap telah dibuat oleh Ahli Kad di bawah Terma dan Syarat ini atau yang terkandung dalam apa-apa perakuan, dokumen atau penyata kewangan atau lain-lain yang diberikan pada bila-bila masa menurut kepada terma-terma dan syarat-syarat telah dibuktikan tidak betul dalam mana-mana aspek yang material pada atau setakat tarikh dibuat atau dianggap dibuat.
  - (d) Sekiranya apa-apa liabiliti mana-mana Ahli Kad boleh menjadi, selaras dengan terma-terma yang berkaitan itu, kena dibayar sebelum matangnya disebabkan oleh keingkaran dalam obligasinya, atau ia gagal untuk membuat sebarang pembayaran pada tarikh matang bagi pembayaran tersebut, atau apabila kena dibayar jika dituntut apabila dituntut.
  - (e) Jika mana-mana Ahli Kad menjadi atau diisytiharkan tak solven atau persetujuan untuk pelantikan pemegang amanah, penjaga, pencelah atau penerima untuknya atau untuk apa yang pada pendapat Bank Rakyat adalah sebahagian besar asetnya, atau perlantikan mana-mana pemegang amanah, penjaga, pencelah atau penerima, atau prosiding pembubaran, penyusunan semula, campur tangan, perkiraan atau pembubaran (atau prosiding- prosiding untuk tujuan atau kesan yang serupa) telah dimulakan oleh atau terhadap mana-mana Ahli Kad.
  - (f) Jika Ahli Kad meninggal dunia atau tidak siaman.
  - (g) Jika distres atau waran penahanan atau pelaksanaan atau proses yang sepertinya dikeluarkan terhadap mana-mana bahagian substansial aset mana-mana Ahli Kad.
  - (h) Jika satu atau lebih penghakiman atau dikri akan dibuat terhadap mana-mana Ahli Kad dan melibatkan dalam agregat liabiliti (tidak

dibayar atau dilindungi sepenuhnya oleh Takaful) yang jumlahnya dianggap penting oleh Bank Rakyat dan mana-mana penghakiman atau dikri tersebut tidak dibuang dilepaskan atau ditangguh dalam tempoh enam puluh (60) hari dari kemasukannya.

- (i) Jika ada mana-mana sekuriti pada masa sekarang atau pada masa hadapan atau ke atas aset-aset mana-mana Ahli Kad menjadi boleh dikuatkuasakan dan pada pendapat Bank Rakyat keadaan itu telah atau mungkin mempunyai kesan buruk yang material ke atas keupayaannya untuk memenuhi obligasi di bawah terma-termadan syarat-syarat ini .
- (j) Jika mana-mana peruntukan Terma dan Syarat ini tidak lagi kekal berkuat kuasa penuh dan memberi kesan atas apa jua sebab sekalipun.
- (k) Jika mana-mana Ahli Kad membuat apa-apa perkiraan atau komposisi dengan pemiutang-pemiutangnya.
- (l) Jika apa-apa prosiding atau tindakan undang-undang akan dimulakan terhadap mana-mana Ahli Kad dan jika selepas Bank Rakyat telah mengkaji semula perkara itu dengan Ahli Kad, Bank Rakyat berpendapat bahawa ia akan secara materialnya menjejaskan kemampuan orang tersebut untuk memenuhi obligasi-obligasinya di bawah Terma dan Syarat.
- (m) Jika sesuatu petisyen akan dikemukakan atau suatu perintah dibuat atau suatu resolusi diluluskan bagi penggulungan mana-mana Ahli Kad kecuali bahawa keadaan ini tidak terpakai jika resolusi itu diluluskan bagi penggulungan sukarelaya dan / atau kebankrapan, mengikut sepertimana kesnya, bagi tujuan atau penyusunan semula hal itu dengan persetujuan Bank Rakyat.
- (n) Jika memberikan penyata-penyata kewangan palsu dan / atau data-data lain yang dikehendaki oleh Bank Rakyat.
- (o) Jika mana-mana aset bagi mana-mana Ahli Kad menjadi hal perkara apa-apa penyitaan, pelucuthakan, perampasan atau ekspropriasi oleh mana-mana pihak berkuasa, Kerajaan atau sepertinya.
- (p) Jika pada pendapat Bank Rakyat (yang mana adalah muktamad dan mengikat) Ahli Kad tidak menjalankan perniagaan dan hal ehwalnya mengikut amalan dan standard kewangan yang bijak dan berhemat.
- (q) Jika Ahli Kad ingkar di bawah apa-apa perjanjian atau apa jua perkiraan lain dengan Bank Rakyat, atau
- (r) Jika sebarang peristiwa atau peristiwa-peristiwa lain berlaku atau keadaan-keadaan yang timbul yang mana pada pendapat Bank Rakyat akan menghalang mana-mana Ahli Kad untuk melaksanakan atau mematuhi obligasi-obligasinya di bawah Perjanjian ini dengan sewajarnya dan tepat pada masanya; maka, dan dalam mana-mana hal sedemikian, Bank Rakyat boleh mengisytiharkan bahawa Peristiwa Keingkaran telah berlaku dan pada masa yang sama atau pada bila-bila masa selepas itu, tanpa mengira sama ada mana-mana keadaan yang disebut di sini adalah berterusan dan Bank Rakyat akan selepas itu mempunyai hak untuk menjalankan semua atau mana-mana remedi yang terdapat di bawah Perjanjian ini atau dengan memulakan tindakan-tindakan sivil untuk mendapatkan kembali semua wang yang kena dibayar dan perlu dibayar kepada Bank Rakyat.

## 19. Memperbaharui Kad

- i. Ahli Kad bersetuju bahawa Bank Rakyat mempunyai budi bicara sama ada untuk membatalkan atau memperbaharui Kad selepas tamat Tempoh Kontrak Kad.
- ii. Tanpa prejudis kepada perkara tersebut di atas, Ahli Kad dengan ini melantik dan memberi kuasa kepada Bank Rakyat untuk terus menjadi Ejen Jualan untuk Ahli Kad untuk menjalankan Pembiayaan seperti yang dinyatakan di bawah Perjanjian ini bagi memperbaharui Kad berikutnya pada masa akan datang.
- iii. Ahli Kad mengakui dan bersetuju untuk terus terikat dengan semua klausa di dalam Borang Permohonan Kad Kredit-i Bank Rakyat yang telah ditandatangani dan Terma dan Syarat ini apabila ianya diperbaharui. Ahli

Kad juga mengakui dan bersetuju bahawa hak-hak dan kelayakan Bank di bawah Terma dan Syarat ini akan terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya dan akan terus bertahan dari sebarang pembatalan, sekatan atau penggantungan Kad oleh Bank.

## **20. Pengakuan Ahli Kad**

- i. Sebarang pengakuan atau penerimaan secara bertulis oleh Ahli Kad atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Ahli Kad bagi jumlah keberhutangan Ahli Kad kepada Bank Rakyat dan apa-apa penghakiman yang didapatkan oleh Bank Rakyat terhadap Ahli Kad berkenaan dengan apa-apa keberhutangan tersebut hendaklah mengikat dan muktamad dalam semua mahkamah di Malaysia dan di tempat lain. Suatu perakuan oleh pegawai Bank Rakyat terhadap jumlah pada ketika itu yang kena dibayar dan terhutang kepada Bank Rakyat daripada atau oleh Ahli Kad hendaklah menjadi keterangan muktamad terhadap Ahli Kad di mana-mana prosiding undang-undang.

## **21. Hak Penyatuan dan Tolakan**

- i. Berikutan berlakunya Peristiwa Keingkar, Bank Rakyat boleh tanpa memberi notis kepada Ahli Kad menggabungkan, menyatukan atau mencantumkan semua atau mana-mana akaun (akaun-akaun) Ahli Kad dengan dan liabiliti-liabiliti terhadap Bank Rakyat. Dengan memberi notis pemberitahuan selama tujuh (7) hari kalendar kepada Ahli Kad, Bank Rakyat pada masa yang sama boleh memperuntukkan dana yang ada di dalam akaun Ahli Kad dengan Bank Rakyat dan memindahkan atau membuat tolak selesai ke atas sebarang jumlah wang yang ada di mana-mana akaun tersebut berasaskan prinsip Muqassah dan Ibra' atau kedua-duanya bilamana bersesuaian untuk menjelaskan mana-mana liabiliti Ahli Kad kepada Bank Rakyat dan menamatkan kemudahan Kad tersebut.

## **22. Penyata Kad**

- i. Penyata kad secara bertulis menyatakan amaun yang perlu dibayar oleh Ahli Kad di bawah Perjanjian ini yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak Bank Rakyat adalah tanpa kesilapan yang nyata menjadi keterangan muktamad bahawa amaun itu adalah sebenarnya kena dibayar dan perlu dibayar oleh Ahli Kad.

## **23. Tanggung Rugi**

- i. Tanpa mengambil kira apa-apa peruntukan lain dalam Terma dan Syarat ini, Ahli Kad hendaklah menanggung rugi Bank Rakyat sepenuhnya daripada dan terhadap apa-apa perbelanjaan termasuk kos-kos guaman atas dasar peguam cara dan pelanggan, kehilangan kerugian tuntutan atau liabiliti (di mana jumlah dalam perakuan Bank Rakyat akan, tanpa kesilapan yang nyata, dianggap sebagai muktamad) walau apa jua aspek sekalipun yang mungkin ditanggung atau dialami oleh Bank Rakyat dalam menguatkuasakan atau dalam usahanya menguatkuasakan bayaran-bayaran dan dalam menguatkuasakan terma-terma Perjanjian ini terhadap Ahli Kad dan / atau Ahli (Ahli-ahli) Kad Tambahan.

## **24. Penepian**

- i. Tiada pengunduran, kesabaran, kelonggaran, kegagalan atau kelewatan di pihak Bank Rakyat dalam melaksanakan mahupun sebarang ketinggalan untuk melaksanakan sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau remedi yang ada pada pihak Bank Rakyat di bawah Terma dan Syarat ini, atau mana-mana dokumen yang memihak Bank Rakyat apabila berlaku keingkar oleh Ahli Kad, akan menjejaskan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi atau ditafsirkan sebagai penepian untuknya atau persetujuan dalam apa-apa keingkar akan mempengaruhi atau menjejaskan sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau remedi Bank Rakyat berhubung dengan sebarang keingkar lain atau seterusnya, mahupun mana-mana satu usaha atau sebahagian daripada usaha untuk melaksanakan mana-mana hak atau remedi akan menghalang sebarang pelaksanaan hak atau remedi selanjutnya atau pelaksanaan hak atau remedi lain. Hak-hak dan remedi-remedi yang diperuntukkan adalah

kumulatif dan tidak eksklusif bagi mana-mana hak atau remedi lain yang diperuntukkan oleh undang-undang.

## **25. Masa**

- i. Masa di mana sahaja disebutkan, adalah merupakan intipati dalam Terma dan Syarat ini.

## **26. Pembayaran Penuh**

- i. Tanpa mengambil kira walau apa pun yang menyatakan sebaliknya yang terkandung di dalam ini, adalah dengan ini dipersetujui bahawa apabila Keberhutangan dijelaskan menerusi bayaran atau cara lain, semua peruntukan yang terkandung di dalam ini tidak akan lagi memberi kesan tetapi tanpa memprejudiskan hak-hak dan remedi-remedi Bank Rakyat terhadap Ahli Kad berkaitan dengan sebarang tuntutan atau pelanggaran syarat sebelum itu.

## **27. Penyusunan Semula Bank Rakyat dan Ahli Kad**

- i. Sekuriti-sekuriti, hak-hak, liabiliti-liabiliti, obligasi-obligasi yang diwujudkan oleh Perjanjian ini akan terus sah dan mengikat bagi semua tujuan walau apa pun walaupun berlaku apa-apa perubahan melalui penggabungan, penyusunan semula atau cara lain yang boleh dibuat dalam perlembagaan Bank Rakyat dan begitu juga liabiliti-liabiliti dan / atau obligasi-obligasi yang diwujudkan oleh Perjanjian ini akan terus sah dan mengikat bagi semua tujuan walau apa jua, walaupun terdapat perubahan oleh penggabungan, penyusunan semula atau selainnya walau bagaimanapun jua dalam perlembagaan Ahli Kad dan adalah dengan ini secara nyatanya diisytiharkan bahawa tiada perubahan sekalipun yang dibuat berkaitan dengan atau yang memberi kesan kepada Ahli Kad akan dalam apa-apa cara boleh memberi kesan kepada sekuriti-sekuriti, liabiliti-liabiliti dan / atau obligasi-obligasi yang diwujudkan di bawah ini berkaitan dengan apa jua transaksi sama ada masa lalu, masa kini atau masa depan.

## **28. Lanjutan Masa**

- i. Liabiliti dan obligasi-obligasi Ahli Kad tidak akan terjejas atau dilepaskan atas sebab sebarang lanjutan masa atau kelonggaran- kelonggaran lain yang diberikan oleh atau dengan kebenaran Bank Rakyat kepada Ahli Kad atau kepada mana-mana orang yang mana mungkin dalam apa-apa cara bertanggungjawab untuk membayar apa-apa wang yang dijamin di sini atau menerusi mana-manasekuriti lain untuk Bank Rakyat atau atas sebab apa- apa perkiraan yang telah dibuat atau komposisi telah diterima oleh Bank Rakyat yang mengubah operasi undang-undang atau sebaliknya hak-hak dan remedi-remedi Bank Rakyat di bawah peruntukan-peruntukan Perjanjian ini.

## **29. Perubahan Terma-terma**

- i. Adalah dengan ini dipersetujui dan diperakui oleh pihak-pihak di dalam ini bahawa jika pihak-pihak bersama-sama bersetuju untuk mengubah atau meminda terma-terma dan/atau syarat-syarat dalam Perjanjian ini, terma-terma dan/atau syarat-syarat dalam Perjanjian ini boleh pada bila-bila masa dan dari masa ke masa diubah atau dipinda menerusi persetujuan bersama oleh pihak-pihak di sini melalui pertukaran surat-menyurat kepada satu sama lain, dan dengan itu pindaan-pindaan atau perubahan-perubahan tersebut akan dianggap telah berkuatkuasa dan peruntukan-peruntukan Perjanjian ini yang berkaitan akan dianggap telah dipinda atau diubah dengan sewajarnya dan hendaklah dibaca dan ditakrifkan seolah-olah pindaan-pindaan dan perubahan-perubahan tersebut telah dimasukkan dan membentuk sebahagian daripada Perjanjian ini pada masa perlaksanaannya dengan syarat bahawa walau apa pun yang menyatakan sebaliknya sebelum ini di dalam Klausula ini, Bank Rakyat adalah, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, berhak atas budi bicara mutlak untuk mengubah atau meminda terma-terma dan/atau syarat-syarat dalam Perjanjian ini dengan memberikan notis bertulis kepada Ahli Kad dan pindaan-pindaan dan perubahan-perubahan tersebut

hendaklah mempunyai kesan yang sama seperti yang dirujuk sebelum ini di dalam Klausula ini dan tidak ada apa yang terkandung di dalam ini boleh ditakrifkan sebagai menghadkan atau menyekat atau menjejaskan mana-mana hak Bank Rakyat di dalam ini untuk mengubah atau meminda terma-terma dan/atau syarat-syarat tanpa keperluan untuk mendapatkan persetujuan dan pengesahan dari Ahli Kad.

### **30. Salinan Dokumen**

- i. Perjanjian ini boleh dilaksanakan dalam sebarang jumlah salinan, di mana setiap satu apabila dilaksanakan dan disempurnakan, hendaklah dianggap sebagai dokumen asal, tetapi semua salinan tersebut hendaklah secara bersama mewakili satu instrumen tunggal dan sama.

### **31. Manfaat kepada Penyerahak, Pengganti-pengganti, dll.**

- i. Perjanjian ini adalah mengikat dan memberi manfaat kepada Bank Rakyat dan Ahli Kad dan pengganti-pengganti hakmilik dan penerima serahhak-penerima serahhak masing-masing kecuali bahawa Ahli Kad tidak boleh menyerahkan hak-hak atau obligasi-obligasi di bawahnya atau apa-apa kepentingan di dalamnya tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Bank Rakyat, namun begitu Ahli Kad tetap menanggung liabiliti bagi semua obligasinya di bawah ini sekiranya berlaku kegagalan mendedahkan sebarang fakta penting berkaitan dengan penyerahan hak Ahli Kad, yang mana sekiranya didedahkan akan mempengaruhi keputusan Bank Rakyat untuk bersetuju dengan penyerahan hak tersebut. Semua akujanji, perjanjian, representasi dan waranti yang telah diberikan, dibuat atau dimeterai oleh Ahli Kad di bawah Perjanjian ini hendaklah terus kekal bertahan dari sebarang penyerahan hak yang dilaksanakan.

### **32. Tajuk**

- i. Tajuk-tajuk kepada Perjanjian ini adalah untuk kemudahan rujukan sahaja dan tidak menjejaskan penafsiran dan interpretasinya.

### **33. Perlantikan Ajen**

- i. Sebagai tambahan dan bukan untuk mengurangkan haknya di bawah Terma dan Syarat ini, Bank Rakyat adalah mempunyai hak mengikut budi bicara mutlaknya dan apabila difikirkannya perlu untuk melantik seorang ejen yang diberikuasa pilihannya dan untuk bertindak bagi pihaknya untuk tujuan mengutip kembali sebarang atau semua wang yang kena dibayar dan perlu dibayar daripada Ahli Kad kepada Bank Rakyat di bawah Perjanjian ini. Ahli Kad dengan ini memberi kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan sebarang maklumat berkenaan Ahli Kad dan Akaun Kad Kredit-i kepada mana-mana ejen yang dilantik dengan sewajarnya untuk tujuan mendapatkan kembali sebarang atau semua wang yang kena dibayar dan perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada Bank Rakyat di bawah Perjanjian ini.

### **34. Undang-undang**

- i. Perjanjian ini hendaklah ditadbir oleh dan ditafsirkan dalam segala aspek mengikut undang-undang Malaysia.

### **35. Perbelanjaan yang Ditanggung oleh Bank Rakyat untuk dan bagi Pihak Ahli Kad.**

- i. Semua wang yang dibelanjakan oleh Bank Rakyat di bawah Perjanjian ini dari semasa ke semasa untuk dan bagi pihak Ahli Kad dan untuk akaunnya hendaklah boleh didapatkan semula daripada Ahli Kad dan hendaklah dijelaskan apabila dituntut. Jika tiada pembayaran, wang itu akan dianggap menjadi sebahagian dari keberhutangan.

### **36. Akaun Tergantung dan Akaun Baharu atau Berasingan**

- i. Apa-apa wang yang diterima di bawah Perjanjian ini boleh diletakkan atau disimpan ke dalam kredit akaun tergantung selagi mana Bank Rakyat fikirkannya patut tanpa apa-apa obligasi sementara itu untuk menggunakannya atau mana-mana bahagian daripadanya dalam atau untuk menjelaskan apa-apa wang atau liabiliti yang kena dibayar atau

ditanggung oleh Ahli Kad kepada Bank Rakyat. Tanpa mengambil kira sebarang pembayaran seperti yang tersebut sekiranya berlaku apa-apa prosiding atau seakan-akan pembubaran kebangkrupan atau perkiraan Bank Rakyat boleh membuktikan untuk dan bersetuju untuk menerima apa-apa dividen atau komposisi berkenaan dengan keseluruhan atau mana-mana bahagian wang dan liabiliti tersebut dengan cara yang sama seolah-olah Perjanjian ini tidak pernah diwujudkan.

- ii. Jika Ahli Kad melaksanakan atau menyebabkan pelaksanaan atau mewujudkan sebarang bebanan tambahan atau lanjutan ke atas mana-mana asetnya untuk mana-mana syarikat atau orang (orang-orang) lain dan Bank menerima notis mengenainya sama ada secara sebenar atau konstruktif, Bank Rakyat boleh ketika menerima notis tersebut, segera membuka akaun baru atau berasingan bagi Ahli Kad dalam bukunya dan jika Bank tidak membuka akaun (akaun-akaun) baru atau berasingan tersebut, Bank akan tetap dianggap telah melakukannya pada masa Bank menerima atau dianggap telah menerima notis tersebut dan mulai dan selepas masa tersebut, semua bayaran ke akaun yang dibuat oleh Ahli Kad kepada Bank Rakyat hendaklah (walau apa pun peraturan di bawah undang-undang atau ekuiti atau andaian yang sebaliknya) diletakkan atau dianggap diletakkan di bahagian kredit akaun (akaun-akaun) baru atau berasingan yang dibuka atau dianggap dibuka dan tidak akan digunakan untuk mengurangkan jumlah yang kena dibayar oleh Ahli Kad kepada Bank Rakyat pada masa Bank Rakyat menerima atau dianggap telah diterima akan notis tersebut.
- iii. Dengan syarat bahawa peruntukan-peruntukan Fasal ini tidak akan memprejudiskan sekuriti yang sebaliknya ada di bawah Perjanjian ini untuk pembayaran wang yang perlu dibayar oleh Ahli Kad tanpa mengambil kira bahawa jumlah tersebut mungkin menjadi kena dibayar atau dihutang atau ditanggung selepas Bank Rakyat telah menerima atau dianggap telah menerima notis yang dinyatakan di atas.

### **37. Pendedahan kepada Unit Kredit Pusat**

- i. Bank Rakyat, dan kakitangannya atau penamannya boleh, pada bila-bila masa dan Ahli Kad dengan ini bersetuju dengannya secara tanpa boleh dibatalkan, memberikan maklumat berkenaan Ahli Kad yang berkaitan dengan Pembiayaan kepada Unit Kredit Pusat, Bank Negara Malaysia atau kepada mana-mana agensi-agensi lain yang diluluskan atau bagi mematuhi undang-undang Malaysia dan Ahli Kad akan dianggap telah bersetuju dengan pendedahan sedemikian.

### **38. Pendedahan kepada syarikat-syarikat berkaitan dan lain-lain**

- i. Ahli Kad dengan ini bersetuju bahawa selagi Keberhutangan berterusan dan / atau selagi apa-apa wang adalah kena dibayar daripada Ahli Kad kepada Bank Rakyat, Bank Rakyat berhak untuk mendedahkan maklumat mengenai Pembiayaan Ahli Kad bersama Bank Rakyat kepada syarikat-syarikat yang atau yang di masa hadapan mungkin berkaitan dengan Bank Rakyat.

### **39. Perubahan Keadaan**

- i. Jika ada sebarang perubahan dalam undang-undang, peraturan atau keperluan peraturan atau dalam tafsiran atau mana-mana aplikasinya atau jika pematuhan oleh Bank Rakyat dengan mana-mana arahan, permintaan atau keperluan yang terpakai (sama ada mempunyai kuasa undang-undang atau tidak) atau mana-mana pemerintah atau pihak berkuasa lain akan menyebabkan mana-mana beban syarat atau obligasi dikenakan pada Bank Rakyat yang menjadikan ianya tidak diinginkan, pada pendapat mutlak Bank Rakyat untuk menjadikannya tersedia atau mengekalkan Pembiayaan, oleh itu apabila menerima notis daripada Bank Rakyat, Pembiayaan itu hendaklah disifatkan telah dibatalkan di mana Ahli Kad hendaklah membayar kepada Bank Rakyat Keberhutangan sepenuhnya.

### **40. Ketidaksahan Sebarang Peruntukan**

- i. Mana-mana peruntukan Perjanjian ini yang tidak sah, tidak boleh dikuatkuasakan atau dilarang tidak akan memberi kesan kepada

kesahihan atau kebolehuatkuasaan peruntukan-peruntukan lain dalam Perjanjian ini.

#### **41. Force Majeure**

- i. Tanpa prejudis kepada mana-mana peruntukan perjanjian ini, Ahli Kad bersetuju untuk tidak meminta Bank Rakyat bertanggungjawab sekiranya Bank Rakyat tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian dari mana-mana obligasinya di bawah Perjanjian ini, disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada kegagalan mana-mana alat mekanikal atau elektronik, sistem pemrosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, kerajaan atau pihak berkuasa tempatan atau apa-apa mogok, boikot, sekatan, bencana alam, kekacauan sivil atau sebab yang di luar kawalan Bank Rakyat. Sebarang ketidakupayaan untuk memenuhi pembayaran yang perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada Bank Rakyat kerana kekurangan dana tidak akan dianggap sebagai satu peristiwa force majeure.

#### **42. Penyerahan Notis, Proses Undang-Undang dan lain-lain**

- i. Ahli Kad dengan ini secara tidak boleh batalnya bersetuju dengan penyerahan mana-mana notis atau penyata di bawah Perjanjian ini melalui pos prabayar biasa ke alamat terakhir Ahli Kad yang diketahui dalam rekod Bank Rakyat dan penyerahan tersebut akan dianggap telah berkesan pada hari kelima (5) selepas pengeposan.
- ii. Ahli Kad dengan ini bersetuju bahawa sekiranya apa-apa tindakan telah dimulakan di Mahkamah-mahkamah Malaysia berkenaan dengan Perjanjian ini, proses undang-undang dan dokumen lain boleh diserahkan dengan mengeposkan dokumen-dokumen itu kepada Ahli Kad di alamat Ahli Kad yang terakhir diketahui dalam rekod Bank Rakyat dan penyerahan itu pada hari kelima (5) selepas pengeposan, dianggap sebagai penyerahan yang baik dan mencukupi bagi proses atau dokumen tersebut.
- iii. Ahli Kad dengan ini secara tidak boleh batalnya bersetuju untuk mengambil sendiri Kad di Pusat Kad Bank Rakyat atau dengan cara Kurier atau Pos Berdaftar ke alamat Ahli Kad yang terakhir diketahui dalam rekod Bank Rakyat atau melalui serahan tangan (dalam kes seperti ini hendaklah ditentukan sendiri oleh Bank) dan Kad dianggap telah dihantar selepas hari kelima (5) pengeposan.

#### **43. Arahan Komunikasi**

- i. Ahli Kad dengan nyatanya bersetuju bahawa Bank Rakyat boleh menghantar mana-mana Komunikasi kepada Ahli Kad dengan meninggalkannya di, atau dengan menghantarnya melalui pos prabayar biasa kepada Ahli Kad di alamat terakhir yang diketahui (sama ada di dalam atau di luar Malaysia dan sama ada alamat itu adalah Peti Surat Pejabat Pos atau tempat kediaman atau perniagaan) atau melalui transmisi faksimili kepada nombor faksimili Ahli Kad yang sebagaimana diperuntukkan kepada Bank Rakyat atau peguam Bank Rakyat. Mana-mana Komunikasi dianggap telah diterima oleh Ahli Kad pada tarikh penghantaran jika ia diserahkan dengan tangan, atau pada hari kelima (5) dari tarikh pengeposan jika dihantar melalui pos (walaupun ia dikembalikan melalui pejabat pos dan tidak dapat dihantarkan); atau pada tarikh transmisi jika dihantar melalui faksimili, secara elektronik atau digital.
- ii. Walau apapun jua yang berlawanan dalam Terma dan Syarat ini, Ahli Kad bersetuju secara nyatanya bahawa apa-apa Komunikasi yang diberikan atau yang dikehendaki diberikan kepada Ahli Kad boleh disampaikan oleh Bank Rakyat kepada Ahli Kad: -
  - (a) Melalui telefon;
  - (b) Melalui sistem pesanan ringkas (SMS); atau
  - (c) Borang yang dijana komputer,

Di mana, Komunikasi tersebut tidak akan memerlukan sebarang tandatangan dan mungkin mengandungi cetakan tandatangan faksimili. Ahli Kad tidak akan menuntut Bank Rakyat bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan teknikal,

perkakasan atau perisian, gangguan, kerosakan atau ralat yang timbul daripada kaedah-kaedah komunikasi yang sedemikian.

- iii. Bank Rakyat boleh (tetapi tidak diwajibkan) atas budi bicara tunggalnya menerima arahan-arahan daripada Ahli Kad melalui telefon berhubung dengan Kad, termasuk tetapi tidak terhad kepada permintaan untuk melakukan perkara-perkara berikut: -
  - (a) Perubahan alamat dan nombor telefon; atau
  - (b) Membuat laporan kad yang hilang; atau
  - (c) Penggantian kad-kad yang hilang atau rosak; atau
  - (d) Transaksi-transaksi lain yang mungkin ditentukan oleh Bank Rakyat dari semasa ke semasa.
- iv. Sebelum menerima arahan tersebut melalui telefon, identiti Ahli Kad akan disahkan oleh wakil Bank Rakyat terlebih dahulu melalui proses keselamatan yang diwujudkan oleh Bank Rakyat yang mana mungkin memasukkan maklumat peribadi Ahli Kad.
- v. Walau apa pun Klausa 43 (iii), Bank Rakyat boleh meminta untuk pengesahan bertulis daripada Ahli Kad terhadap arahan-arahan Ahli Kad sebelum melaksanakannya.
- vi. Ahli Kad memberi kuasa kepada Bank Rakyat, walaupun Bank Rakyat tidak diwajibkan, untuk bergantung kepada dan bertindak berdasarkan apa-apa komunikasi diberikan:
  - (a) Melalui telefon;
  - (b) Melalui transmisi faksimili; atau
  - (c) Melalui transmisi elektronik atau digital, termasuk mel elektronik. Bank Rakyat tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab kepada Ahli Kad terhadap sebarang kehilangan atau kerugian walau bagaimanapun disebabkan atau dialami oleh Ahli Kad dalam mengikuti atau tidak mengikuti mana-mana atau semua arahan yang dinyatakan dalam klausa 43 (III).
- vii. Ahli Kad mengakui dan bersetuju bahawa: -
  - (a) Bank Rakyat boleh merekodkan semua perbualan telefon di antara Ahli Kad dan wakil Bank Rakyat; dan
  - (b) Dengan sifat semulajadi perbualan-perbualan telefon, Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab sekiranya pihak ketiga yang tidak dibenarkan terdengar perbualan-perbualan tersebut.
- viii. Ahli Kad seterusnya membenarkan Bank Rakyat untuk bertindak atas arahnya melalui faksimili atau lain-lain kaedah telekomunikasi dan apa-apa permintaan yang dibuat oleh Ahli Kad kepada pedagang atau pembekal perkhidmatan bagi bekalan barangan dan / atau perkhidmatan-perkhidmatan yang akan dicajkan kepada Kad akan dianggap memberi kuasa untuk Bank Rakyat bagi mendebitkan akaun MasterCard yang berkaitan dengan apa-apa amaun yang dicajkan. Ahli Kad dengan ini secara tanpa boleh dibatalkan bersetuju untuk menanggung rugi Bank Rakyat untuk semua tindakan, tuntutan, kehilangan, liabiliti atau kerugian yang dialami oleh Bank Rakyat dalam bersetuju untuk bertindak ke atas arahan-arahan lisan, faks atau telekomunikasi Ahli Kad.
- ix. Bank Rakyat secara tanpa boleh dibatalkan diberi kuasa (tetapi tidak diwajibkan) untuk menghubungi dan/ atau memaklumkan Ahli Kad melalui mel elektronik, atau melalui telefon atau melalui sistem pesanan ringkas ("SMS") di mana mesej-mesej teks atau elektronik atau maklumat yang lain dihantar kepada alamat e-mel Ahli Kad atau nombor telefon bimbit dalam rekod Bank Rakyat atau apa-apa alamat e-mel atau nombor lain yang Bank Rakyat difikirkan sesuai. Maklumat yang dihantar melalui mel elektronik atau melalui SMS boleh terdiri daripada maklumat yang Bank Rakyat fikirkan sesuai dan mungkin termasuk (tetapi tidak terhad kepada) peringatan-peringatan yang dihantar berkenaan dengan bayaran minimum yang kena dibayar, tarikh genap masa pembayaran, kemaskini tentang faedah-faedah, program-program dan promosi-promosi dan lain-lain maklumat umum dan / atau khusus kepada Ahli Kad.
- x. Ahli Kad hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan dan penyimpanan maklumat yang diterima.
- xi. Bank Rakyat boleh terus untuk menghantar SMS kepada Ahli Kad walaupun arahan Ahli Kad adalah bertentangan dan Bank Rakyat dengan



- ini menafikan semua liabiliti kepada Ahli Kad terhadap sebarang kehilangan atau kerugian (secara langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit), kerugian perniagaan atau keuntungan, atau kehilangan atau kerugian dalam apa jua bentuk yang dialami oleh Ahli Kad yang timbul daripada atau yang disebabkan oleh mana-mana: -
- (a) Kegagalan berfungsi atau kerosakan dalam penghantaran maklumat atas apa jua sebab;
  - (b) Ketidaktepatan, tidak lengkap, kelewatan atau ketiadaan penghantaran terhadap apa-apa maklumat yang dihantar atau penghantaran yang salah terhadap apa-apa maklumat kepada mana-mana pihak ketiga;
  - (c) Akses, penggunaan atau interpretasi yang salah, tidak dibenarkan atau tidak wajar terhadap maklumat yang dihantar; dan
  - (d) Tuntutan untuk fitnah yang timbul daripada penghantaran mana-mana maklumat.
- xii. Bank Rakyat berhak (tetapi tidak diwajibkan) untuk menganggap mana-mana komunikasi sebagai tulen dan sah dan diberi kuasa sepenuhnya oleh dan mengikat Ahli Kad, dan Bank Rakyat berhak (tetapi tidak terikat) untuk mengambil langkah-langkah bergantung kepada komunikasi tersebut yang kami anggap sesuai, tanpa mengira apa-apa ralat atau salah faham atau kurang jelas atau butiran dalam segi komunikasi tersebut.
- xiii. Apa-apa notis atau dokumen lain untuk diberikan di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini oleh Ahli Kad kepada Bank Rakyat mesti secara bertulis dan boleh diberikan atau dihantar dengan tangan, pos berdaftar atau faksimili kepada kami di alamat atau nombor transmisi faksimili yang Bank Rakyat mungkin maklumkan kepada Ahli Kad dalam penyata yang dihantar kepada Ahli Kad atau oleh apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai oleh Bank Rakyat, atau kepada alamat atau nombor faksimili yang dinyatakan di bawah:

Pusat Kad Bank Rakyat Peti Surat 10971,  
50730 Kuala Lumpur

#### **Kemudahan Penyata Elektronik (E-Penyata)**

- xiv. Ahli Kad boleh memilih untuk menerima penyata melalui bentuk elektronik dan boleh dilihat dari terminal komputer dengan mendaftar untuk kemudahan E-Penyata Bank Rakyat di laman sesawang Bank Rakyat. Apabila Ahli Kad mendaftar, apa-apa penyata, notis atau maklumat akan dihantar kepada Ahli Kad secara elektronik melalui alamat e-mel yang diberikan oleh Ahli Kad apabila mendaftar atau disediakan di laman sesawang Bank Rakyat, atau apa-apa saluran lain, yang akan ditentukan oleh Bank Rakyat.
- xv. Setelah Ahli Kad berjaya mendaftar untuk kemudahan E-Penyata, Ahli Kad akan terikat dengan Terma dan Syarat yang mentadbir penggunaan kemudahan E-Penyata.
- xvi. Setelah Ahli Kad berjaya mendaftar untuk kemudahan E-Penyata, pendaftaran Ahli Kad akan bermula pada tarikh penyata yang akan datang dan pihak kami akan berhenti menghantar kepada Ahli Kad salinan-salinan penyata, notis-notis maklumat fizikal selepas itu sehingga kemudahan E-Penyata dibatalkan atau ditamatkan oleh Ahli Kad atau Bank Rakyat. Walau bagaimanapun, selagi kemudahan E-Penyata masih aktif, jika Ahli Kad meminta untuk salinan apa-apa penyata, notis atau maklumat fizikal, Bank Rakyat boleh mengenakan bayaran kepada Ahli Kad untuk salinan fizikal.

#### **44. Pindaan**

